

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2003**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI BELIA DAN SUKAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk menambah satu lagi lapisan gred kepada lapisan gred yang sedia ada bagi skim perkhidmatan Pegawai Belia dan Sukan.

**LATAR BELAKANG**

2. Di bawah Sistem Saraan Baru yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1992, skim perkhidmatan Pegawai Belia dan Sukan mengandungi dua lapisan gred iaitu S3, S2. Apabila Sistem Saraan Malaysia dilaksanakan pada 1 November 2002, skim perkhidmatan ini diperuntuk dengan empat gred iaitu S41, S44, S48, S52.

3. Kerajaan mengiktiraf kepentingan perkhidmatan ini dalam usaha memajukan lagi aspek-aspek yang berkaitan dengan pembangunan belia dan sukan. Selaras dengan ini kerajaan bersetuju untuk menambah satu lagi lapisan gred bagi skim perkhidmatan

Pegawai Belia dan Sukan di bawah Sistem Saraan Baru dan seterusnya di bawah Sistem Saraan Malaysia.

## **PINDAAN**

4. Pindaan skim perkhidmatan Pegawai Belia dan Sukan adalah seperti berikut:
  - (a) Pegawai Belia dan Sukan Gred S3, S2 ditambah satu lagi gred iaitu S1; dan
  - (b) Pegawai Belia dan Sukan Gred S41, S44, S48, S52 ditambah satu lagi gred iaitu S54.
  
5. Skim perkhidmatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S41, S44, S48, S52, S54 yang baru adalah seperti di **Lampiran A** dan contoh draf iklan di **Lampiran B**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

6. Tarikh kuat kuasa bagi pindaan di perenggan 4(a) di atas adalah mulai 1 Mei 1994 dan pindaan di perenggan 4(b) adalah mulai 1 November 2002.


## **PEMBATALAN**

7. Dengan keluarnya Pekeliling Perkhidmatan ini maka skim perkhidmatan Pegawai Belia dan Sukan yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan.

## PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
( **TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI** )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

**7** November 2003

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI BELIA DAN SUKAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 NOVEMBER 2002

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
<b>Gred S41</b>	:	P1T1	RM1468.60	-	P1T27	RM4033.80
		P2T1	RM1550.88	-	P2T27	RM4275.80
		P3T1	RM1636.79	-	P3T27	RM4538.37
<b>Gred S44</b>	:	P1T1	RM2587.85	-	P1T14	RM4286.69
		P2T1	RM2864.94	-	P2T14	RM4705.35
<b>Gred S48</b>	:	P1T1	RM3780.91	-	P1T8	RM5017.53
		P2T1	RM4156.01	-	P2T8	RM5494.27
<b>Gred S52</b>	:	P1T1	RM4256.44	-	P1T8	RM5493.06
		P2T1	RM4660.58	-	P2T8	RM5998.84
<b>Gred S54</b>	:	P1T1	RM4486.34	-	P1T8	RM5839.12
		P2T1	RM4883.22	-	P2T8	RM6373.94

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
 (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
 (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai Belia dan Sukan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Pegawai Belia dan Sukan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S44**

10. Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S48**

11. Pegawai Belia dan Sukan Gred S44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S52**

12. Pegawai Belia dan Sukan Gred S48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S54**

13. Pegawai Belia dan Sukan Gred S52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Belia dan Sukan Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pegawai Belia dan Sukan  
(b) Kementerian/Jabatan :  
(c) Kumpulan : Pengurusan dan Profesional  
Perkhidmatan  
(d) Klasifikasi : Sosial  
Perkhidmatan

2. Jadual Gaji :

Gred	Jadual Gaji Matriks
Gred S41	P1T1 RM1468.60 - P1T27 RM4033.80 P2T1 RM1550.88 - P2T27 RM4275.80 P3T1 RM1636.79 - P3T27 RM4538.37
Gred S44	P1T1 RM2587.85 - P1T14 RM4286.69 P2T1 RM2864.94 - P2T14 RM4705.35
Gred S48	P1T1 RM3780.91 - P1T8 RM5017.53 P2T1 RM4156.01 - P2T8 RM5494.27
Gred S52	P1T1 RM4256.44 - P1T8 RM5493.06 P2T1 RM4660.58 - P2T8 RM5998.84
Gred S54	P1T1 RM4486.34 - P1T8 RM5839.12 P2T1 RM4883.22 - P2T8 RM6373.94

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;  
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian

tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3).

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Anggota yang memasuki perkhidmatan Pegawai Belia dan Sukan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan belia dan sukan.